

Sungai Siput banjir semula

Seramai 59 penduduk dari dua kampung dipindahkan selepas rumah mereka dinaiki air

RIDAUDDIN DAUD

SUNGAI SIPUT (U)

- Seramai 59 penduduk Kampung Lintang dan Kampung Tok Sirat, di sini terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan di kampung masing-masing selepas rumah mereka dinaiki air, awal pagi semalam.

Pegawai Pertahanan Awam Unit Sungai Siput, Muhammad Hasrul Hashim berkata, banjir gelombang kedua itu menyebabkan dua pusat pemindahan dibuka iaitu di Dewan Orang Ramai Kampung Lintang dan Dewan Orang Ramai Kampung Tok Sirat.

Menurutnya, setakat ini

seramai 59 mangsa dari 14 keluarga terlibat, namun satu keluarga di Kampung Tok Sirat sudah dibenarkan pulang petang semalam.

"Keadaan masih terkawal buat masa ini, namun banjir dikhawatiri jadi lebih buruk sekiranya hujan lebat secara berterusan di kawasan ini," katanya.

Muhammad Hasrul berkata, banjir mungkin disebabkan hujan yang agak lebat dalam tempoh lama malam kelmarin.

"JPAM bersama agensi lain akan terus melakukan pemantauan di kawasan ini bagi memastikan dapat memberi bantuan secepat mungkin kepada mangsa," katanya.

Beliau berkata, pihaknya dibantu oleh anggota JPAM Kuala Kangsar bagi melicinkan operasi memantau dan memindahkan mangsa banjir.

Beliau tidak menolak kemungkinan mendapatkan



Antara rumah dinaiki air selepas banjir gelombang kedua melanda Sungai Siput semalam.

bantuan lebih ramai anggota dari daerah berdekatan sekiranya banjir semakin buruk.

"Kita akan melakukan persediaan lebih rapi dengan menempatkan beberapa anggota di lokasi berisiko.

"Kita juga akan arah se-

mua anggota bersedia kerana khidmat mereka mungkin diperlukan bila-bila masa saja," katanya.

Beliau berkata, terdapat beberapa kawasan di Sungai Siput mula menunjukkan trend penurunan paras air, namun ma-

sih ada sesetengah kawasan dalam keadaan berjaga-jaga.

"Tinjauan anggota mendapati ada beberapa kawasan masih ditenggelami air dan mungkin ia akan kekal begitu untuk beberapa tempoh yang kita belum pasti," katanya.



Dua pusat pemindahan dibuka bagi menempatkan mangsa-mangsa banjir yang dipindahkan dari Kampung Tok Sirat dan Kampung Lintang.